

# PM arah tubuh konsortium

**KEPALA BATAS** 26 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan sebuah konsortium yang 100 peratus terdiri daripada syarikat bumiputera ditubuhkan segera bagi merebut peluang pembangunan di kawasan Koridor Pembangunan Wilayah Utara yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

'Perdana Menteri berkata, konsortium itu boleh berperanan sebagai peneraju kepada pembangunan di kawasan tersebut dalam bidang ekonomi, perniagaan dan perusahaan.

Katanya, penubuhan konsortium itu perlu disegerakan memahdangkan draf pertama pembangunan koridor berkenaan akan dibentangkan kepadanya dalam masa terdekat

oleh Kumpulan Sime Darby, konglomerat yang diberi tanggungjawab untuk merangka dan melaksanakan pembangunan di situ.

"Mereka sudah rancang dan akan beri notis kepada saya untuk mengemukakan draf pertama rancangan mereka," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kepala Batas di sini hari ini.

Sebelum draf itu dikemukakan, beliau mahu Pergerakan Pemuda UMNO Pulau Pinang yang mencetuskan idea penubuhan konsortium itu mengemukakan cadangan-cadangan mereka supaya boleh disertakan bersama di dalam pelan pembangunan itu.

Abdullah mengalu-alukan cadangan daripada Pemuda UMNO negeri itu kerana

bagi beliau mereka yang akan mewarisi kepimpinan dan melaksanakan usaha-usaha pembangunan di kawasan tersebut pada masa akan datang.

"Kalau ada apa-apa yang mereka mahu rancang di Pulau Pinang kemukakan secepat mungkin cadangan itu, kalau perlu buat pertemuan dengan pelbagai pihak di Pulau Pinang atau Seberang Perai untuk bincang bersama-sama, kalau ada cadangan boleh disertakan bersama-sama Sime Darby," ujarnya.

Abdullah memberitahu, koridor utara yang terdiri daripada Perlis, Kedah, Seberang Perai dan Perak Utara masih kurang maju berbanding kawasan lain seperti di Lembah Klang.

Sebab itu, menurutnya, di bawah RMK-9, kawasan-kawasan itu diberi perhatian kerana ramai penduduknya adalah Melayu yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan perlu ditingkatkan kemajuannya.

"Bukan hanya pembangunan pertanian tetapi juga pembangunan lain. Rancangan bukan sahaja berbentuk fizikal semata-mata tetapi perlu juga program-program tertentu untuk mengupayakan penduduk di kawasan itu khususnya dalam bidang ekonomi," ujarnya.

Perdana Menteri mengingatkan syarikat-syarikat bumiputera yang mendapat projek dalam pembangunan koridor itu nanti supaya tidak menyerahkan pelaksanaannya kepada pihak lain bagi mengelakkan ke-

tirisan.

Katanya, sebuah jawatankuasa khas dalam Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan memantau dan menyelaras pelaksanaan projek-projek berkenaan bagi mengelak masalah itu berlaku.

"Kalau dapat peluang jangan serah kepada orang lain. Ini bukan cara yang digalakkan, ini tak baik, kalau kita ambil projek kita sendiri laksanakan.

"Sekiranya ada ketirisan, tahap ekonomi orang Melayu tidak dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi, oleh itu semua pihak perlu memberi perhatian kepada perkara ini kerana ia akan memberi kesan tidak baik kepada peningkatan ekonomi orang Melayu," ujarnya lagi.